

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah polisi kerajaan terhadap pengeluaran lesen agen penghantaran dalam konteks liberalisasi sektor perkhidmatan, dan adakah kerajaan bercadang akan liberalisasi syarat sekurang-kurangnya 51 peratus penyertaan Bumiputera dalam syarikat berkenaan.

JAWAPAN

Dasar Kerajaan terhadap pengeluaran lesen ejen penghantaran di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 tidak berubah iaitu penyertaan 51 peratus ekuiti Bumiputera masih kekal. Dasar ini sedang diteliti dari pelbagai aspek termasuk liberalisasi sektor perkhidmatan.